

# DASAR- DASAR JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

## Cukai Kadaran Tanah

1. Dasar untuk mengenakan Kadar Taksiran Berlainan :

Membahagikan kawasan kadaran dan mengenakan kadar yang berlainan mengikut kawasan dan kegunaan sebenar pegangan itu atau bahagian pegangan itu. (Sila rujuk [Pelan Kadaran SP1](#)).

**Sek. 129 Akta 171**

2. Tarikh kuatkuasa kadar taksiran ke atas tanah baru / pindaan Pelan Kebenaran Merancang (PKM ) di mana kadar taksiran telah dinaikkan:

Tarikh kuatkuasa kadar taksiran tanah ditetapkan pada 1hb. Jan, 1hb.Apr, 1hb. Julai atau 1hb.Okt. mengikut tarikh penerimaan kes oleh jabatan.

**Sek. 144(1)&(6) Akta 171**

3. Tarikh kuatkuasa pindaan kadar taksiran atas sebab pindaan Pelan Kebenaran Merancang :

Tarikh kuatkuasa pindaan kadar taksiran atas sebab pindaan Pelan Kelulusan Merancang (PKM) di mana kadar taksiran telah dikurangkan ialah pada permulaan bulan (1hb.) pelan kebenaran merancang diluluskan.

**Sek. 144(1)&(6) Akta 171**

4. Tarikh kuatkuasa hapus kira nilai tahunan tanah :

Tarikh kuatkuasa untuk hapus kira nilai tahunan tanah akan ditetapkan mengikut keadaan berikut:

- i Tanah yang telah dimajukan

Permulaan bulan (1hb.) Sijil Kelayakan Menduduki atau Sijil Perakuan Siap & Pematuhan ( CCC ) dikeluarkan.

ii. Pelan Kebenaran Merancang telah luput

Permulaan bulan (1hb.) Pelan Kebenaran Merancang telah luput.

iii Tanah diambil alih oleh kerajaan

Permulaan bulan (1 haribulan) Borang K ( Akta Pengambilan Tanah 1960 ) dikeluarkan.

***Sek. 144(1)&(6) Akta 171***

atau

5. Tarikh kuatkuasa yang diluluskan oleh Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta